

## MASTERCARD® ESKLUSIF – #HelloHappy

### TEMPOH KEMPEN

"Mastercard® Esklusif – #HelloHappy" Hong Leong Bank Berhad ("HLB")("Kempen") akan bermula pada 14 Februari 2018 pada pukul 00:00:00 jam (12:00pg Waktu Malaysia) dan berakhir pada 30 Jun 2018 pada pukul 23:59:59 jam (11:59mlm Waktu Malaysia) termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

### KELAYAKAN

1. Kempen terbuka kepada Pemegang Kad Utama baharu dan sedia ada Kad Kredit Mastercard HLB ("Kad HLB") yang tidak dikecualikan daripada menyertai Kempen seperti yang dibentangkan dalam Fasal 2 di bawah ("Pemegang Kad Layak").

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama baharu Kad HLB bermaksud pelanggan tidak mempunyai sebarang Kad HLB sebelum Tempoh Kempen dan telah memohon Kad HLB dan Kad HLB tersebut diluluskan semasa Tempoh Kempen.

2. Yang berikut ini TIDAK layak menyertai Kempen:
  - a) Pemegang Kad Kredit HLB yang dikeluarkan di luar Malaysia;
  - b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang apa-apa Kad Kredit HLB dan / atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
  - c) Pemegang Kad yang telah melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

### MEKANIK

3. Pemegang Kad layak menikmati tawaran-tawaran berikut ("secara kolektif dirujuk sebagai Tawaran") tertakluk kepada pemenuhan kriteria yang ditetapkan di sini ("Pemegang Kad Layak"):

a) **0% PLAN PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN 18 BULAN ("IPP") ("Tawaran 1")**

- i. Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum Perbelanjaan Runcit RM500 ("seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 di bawah") dalam satu urusaniaga tunggal di dalam dan/atau luar negara termasuk transaksi dalam talian ("Transaksi Layak") dengan menggunakan Kad HLB adalah layak untuk menukar Transaksi Layak menjadi 0% faedah IPP seperti digambarkan di bawah.

Contoh:

Amaun Transaksi Layak	Amaun IPP ansuran bulanan (18 bulan)
RM360	Tidak layak
RM900	RM50 sebulan (RM900 ÷ 18 bulan)
RM36,000	RM2,000 sebulan (RM36,000 ÷ 18 bulan)

- ii. Transaksi Layak yang dilakukan di luar negeri dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) sebelum menukar kepada IPP berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
- iii. Transaksi Layak mesti diposkan ke Akaun Kad HLB Pemegang Kad Layak
- iv. Pemegang Kad Layak dikehendaki menghantar sekali(1) SMS mengikut format seperti di bawah ke 66600 ("Nombor Ditetapkan") atau menelefon Pusat Perhubungan Hong Leong ("HLCC") di 03-76268899 dalam masa tiga (3) hari selepas Transaksi Layak diposkan atau lima (5) hari sebelum tarikh penyata berikutnya ("Pendaftaran SMS/ Pendaftaran") untuk menikmati

Tawaran 1, jika gagal Pemegang Kad tidak berhak untuk Tawaran 1 dan sebarang rayuan tidak akan dilayan oleh HLB

SMS format ke Nombor Ditetapkan:

**IPP<jarak>nombor IC baru 12 digit<jarak>nombor kad 6 digit terakhir<jarak>amaun seperti dalam resit**

(contoh: **IPP 810101105010 654321 670.80**)

Kos SMS/ caj menelefon untuk tujuan SMS Pendaftaran/ Pendaftaran adalah tanggungan Pemegang Kad Layak mengikuti kadar yang ditentukan oleh telco masing-masing dan HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan dalam penerimaan SMS Pendaftaran/ percubaan panggilan yang tidak berjaya untuk permintaan penukaran IPP.

- v. Pemegang Kad Layak akan bertanggungjawab ke atas:
  - a) Semak dan pastikan penyedia perkhidmatan telekomunikasi anda ("Telco") boleh sokong penghantaran SMS ke Nombor Ditetapkan dalam Kempen ini;
  - b) Pembayaran SMS/ caj panggilan standard yang ditentukan oleh Telco anda untuk setiap SMS yang dihantar ke Nombor Ditetapkan/ panggilan dibuat ke HLCC dalam Kempen ini. Pada masa ini, Telco yang boleh menyokong penghantaran SMS ke Nombor Ditetapkan adalah Celcom, Maxis, Digi dan uMobile. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab jika Telco Pemegang Kad Layak tidak dapat menyokong penghantaran SMS ke Nombor Ditetapkan atau jika Pemegang Kad Layak tidak dapat menghubungi HLCC untuk apa jua sebab; dan
  - c) Pastikan butir-butir dalam SMS Pendaftaran dihantar ke Nombor Ditetapkan adalah betul, lengkap, seperti format yang ditentukan and dalam tempoh yang ditentukan dalam Klausa 3.a)iv) atas, jika tidak, Pemegang Kad Layak tidak akan layak untuk Tawaran 1
- vi. Pemegang Kad Layak akan membayar ansuran bulanan IPP penuh sebagai tambahan kepada pembayaran minimum bulanan 5% yang terhutang kepada baki lain-lain baki kad kredit (jika ada). Sekiranya pembayaran ini tidak diterima sepenuhnya oleh HLB pada atau sebelum tarikh tamat pembayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata kad bulanan, caj kewangan semasa dan yuran pembayaran lewat akan dikenakan atas jumlah gabungan yang terdiri daripada Ansuran Bulanan IPP ditambah dengan Bayaran minimum 5%, selaras dengan terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad HLB
- vii. Program kesetiaan (iaitu Mata Ganjaran dan / atau Pulangan Tunai) TIDAK akan diberikan untuk transaksi yang berkaitan dengan Penawaran 1

**b) BONUS UNTUK TRANSAKSI LUAR NEGARA: 8% PULANGAN TUNAI TIDAK TERHAD ("Tawaran 2")**

- i. Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit ("seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 di bawah") di tempat jualan / bersemuka di cawangan runcit yang terletak di luar Malaysia dalam mata wang asing ("Perbelanjaan Luar Negara Layak") dengan menggunakan Kad HLB akan layak untuk rebat tunai 8% ("Pulangan Tunai") tertakluk kepada perbelanjaan minimum Perbelanjaan Luar Negara Layak yang ditetapkan dalam setiap bulan kalendar mengikut jadual berikut:

Bulan kalendar	Tempoh	Minimum kumulatif amaun Perbelanjaan Luar Negara	Pulangan Tunai berdasarkan minimum kumulatif amaun Perbelanjaan Luar Negara
Februari 2018	14 Februari 2018 to 28 Februari 2018	RM250	RM20

Bulan kalendar	Tempoh	Minimum kumulatif amaun Perbelanjaan Luar Negara	Pulangan Tunai berdasarkan minimum kumulatif amaun Perbelanjaan Luar Negara
Mac 2018	1 Mac 2018 to 31 Mac 2018	RM500	RM40
April 2018	1 April 2018 to 30 April 2018	RM500	RM40
Mei 2018	1 Mei 2018 to 31 Mei 2018	RM500	RM40
Jun 2018	1 Jun 2018 to 30 Jun 2018	RM500	RM40

Walau apa pun takrif "Perbelanjaan Runcit" sebagaimana yang diperuntukkan dalam Klausa 4 di bawah ini, Perbelanjaan Runcit untuk Tawaran 2 tidak termasuk transaksi pembelian dalam talian.

- ii. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut TIDAK dianggap sebagai Perbelanjaan Luar Negara Layak:
  - a) Pembelian melalui talian / internet (walaupun transaksi dalam mata wang asing);
  - b) Pengeluaran wang tunai daripada mana-mana ATM;
  - c) Semua transaksi runcit domestic;
  - d) Arahan tetap seperti bil automatic;
  - e) Caj dan fi kewangan seperti yuran tahunan kad kredit dan cukai kerajaan; dan
  - f) Dynamic Currency Conversion performed using Ringgit Malaysia.
- iii. Kumulatif Perbelanjaan Luar Negara Layak oleh pemegang kad utama dan tambahan dalam akaun yang sama pada asas bulan kalendar semasa Tempoh Kempen akan diambil kira untuk pengiraan Perbelanjaan Luar Negara Layak.
- iv. Penjejakan Perbelanjaan Luar Negara Layak akan berdasarkan tarikh perbelanjaan dan urusanniaga pada Masa Malaysia yang berjaya diposkan dalam sistem HLB pada bulan kalendar dan sepanjang Tempoh Kempen dan HLB berhak untuk menentukan urusanniaga yang akan dianggap sebagai Perbelanjaan Luar Negara Layak
- v. Pulangan Tunai dianugerahkan kepada Pemegang Kad Layak berdasarkan jumlah Perbelanjaan Luar Negara Layak yang dikenakan ke atas mana-mana Kad HLB yang diposkan dalam Ringgit Malaysia
- vi. Transaksi Layak yang dilakukan di luar negeri dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) sebelum menukar kepada IPP berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
- vii. Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap bulan kalendar pada jumlah Perbelanjaan Luar Negara Layak untuk bulan tertentu dan tidak terkumpul daripada bulan sebelumnya.
- viii. Jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan secara bulanan kepada akaun Pemegang Kad Layak dalam tempoh enam (6) minggu selepas berakhirnya setiap bulan kalendar. Ia adalah tanggungjawab Pemegang Kad Layak untuk memaklumkan HLB sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai dalam masa 60 hari selepas Tempoh Kempen tamat, jika gagal Pemegang Kad Layak disifatkan telah menerima Tunai Balik dan sebarang rayuan atau permintaan untuk pembayaran Pulangan Tuani tidak akan dilayan oleh HLB.
- ix. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan dalam pengeposan sebenar Perbelanjaan Luar Negara Layak dan / atau Pulangan Tunai yang diperolehi.

4. “Perbelanjaan Runcit” bermaksud perbelanjaan runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan/atau mata wang lain, sama ada dibuat dalam talian atau di tempat jualan runcit berkenaan yang berjaya dicaj kepada Kad HLB. Perbelanjaan Runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi. Bagi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
  - a) Pengeluaran wang tunai daripada mana-mana ATM;
  - b) Produk portfolio seperti Pindahan Baki, Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus dan Pelan Bayaran Fleksi;
  - c) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, berunsur penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - d) Apa-apa bentuk perkhidmatan lain atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh HLB.
5. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, organisasi niaga, pihak pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

#### **UMUM**

6. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak dengan ini memahami dan bersetuju seperti berikut:
  - a) Pemegang Kad Layak telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB yang boleh disemak di Laman Web HLB;
  - b) Semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang terakam dalam sistem HLB dalam masa Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c) Keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini dan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
  - d) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirunding dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
  - e) Mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - f) Bersetuju nama, Nombor Kad Pengenalan / nombor pasport (dalam bentuk terlindung dan / atau foto mereka disiarkan dan dipaparkan dalam Laman Web HLB;
  - g) Terma & Syarat di dalam ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB dan Terma dan Syarat Kad Debit HLB hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini, terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka Terma & Syarat tertentu hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
7. HLB berhak:
  - a) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB, menurut budi bicara mutlaknyanya, daripada menyertai Kempen dan/atau layak menerima Hadiah;
  - b) Menentukan transaksi yang tergolong dalam takrif “Perbelanjaan Runcit”;
  - c) Melupakan sebahagian atau seluruh Pulangan Tunai jika Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
  - d) Meminda dan/atau menggantikan Hadiah-hadiah di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilanya atas budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
  - e) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, keseluruhan atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini setelah sampai maksimum dana Pulangan Tunai, menurut budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Layak tentang menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat atau menamatkan Kempen ini dan Peraduan.
8. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran transaksi jualan oleh rakan sekutu kad, organisasi niaga, pihak pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

9. Akaun Kad HLB Pemegang Kad mesti sah / aktif, dalam keadaan baik dan tidak boleh melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen dan / atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa Pulangan Tunai yang dianugerahkan.
10. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
11. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, publisiti, promosi dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
12. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.